

Pendaftaran Pelajar Baru Sidang Akademik 2008/2009

Nor Innar Md. Nor (Penolong Pendaftar)

Bertempat di Kolej Kediaman Kampung Wai pada 30 Jun yang lalu, PPKAS sekali lagi menerima kemasukan pelajar baru bagi sidang akademik 2008/2009. Sidang kali ini melakar kenangan bermakna kerana Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bangunan mula menerima pelajar sulungnya.

Seramai 72 pelajar yang berdaftar bagi mengikuti Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar yang terdiri daripada pelajar lepasan matrikulasi iaitu seramai 36 orang, diikuti 27 orang dari lepasan STPM. Manakala pelajar dari lepasan diploma yang akan mengikuti pengajian terus ke tahun dua adalah seramai 19 orang. Pelajar dari Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Bangunan yang mendaftar pula adalah seramai 30 orang yang terdiri daripada 15 orang lepasan matrikulasi, 4 orang dari STPM dan 11 orang dari lepasan diploma.

Pada 3 Julai pula, telah diadakan sesi pelajar bersama pusat pengajian di mana semua pelajar baru dibawa ke pusat pengajian bagi pendaftaran kursus di samping diadakan sesi taklimat bersama staf serta Dekan. Majlis berakhir setelah diadakan sesi ramah mesra serta makan tengahari di pusat pengajian.

